

PENYELIAAN PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET): ISU DAN CABARAN

[SUPERVISION OF TEACHING IN TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET): ISSUES AND CHALLENGES]

SITI NURSHAZWANNY MAJLAN¹ & MOHD AZLAN MOHAMMAD HUSSAIN¹

¹ Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia, MALAYSIA.
e-Mail: E-mail: azlan_hussain@ftv.upsi.edu.my

Corresponding author: azlan_hussain@ftv.upsi.edu.my

Received: 28 April 2025 | Accepted: 30 May 2025 | Published: 22 June 2025

Abstrak: Kajian ini meneroka isu dan cabaran dalam proses penyeliaan bagi program pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia. Kajian ini adalah berdasarkan tinjauan literatur yang komprehensif untuk mengumpul dan mensintesis dapatan kajian daripada pelbagai sumber berkaitan penyeliaan guru pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Kajian literatur yang sistematik (SLR) telah dijalankan untuk mengenal pasti artikel ilmiah, kertas penyelidikan, laporan, dan penerbitan bereputasi berkaitan penyeliaan guru TVET. Kajian *Systematic Literature Review* (SLR) ini dijalankan dengan menggunakan koleksi artikel dalam lingkungan tahun 2019-2024 daripada dua pangkalan data iaitu *Google Scholar* dan *Researchgate*. Artikel yang telah dikumpulkan kemudian diteliti bagi memastikan artikel yang dipilih menepati fokus kajian. Sebanyak enam artikel telah dipilih untuk dibincangkan dalam kajian ini dan data diekstrak berpanduan empat tema berkaitan cabaran dalam penyeliaan. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan interaksi antara penyelia dan guru adalah keperluan utama yang dikenal pasti dalam pelaksanaan penyeliaan pendidikan, memandangkan pengaruh besar mentor berpengalaman dalam bidang Pendidikan bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Komunikasi berkesan antara mentor-guru memastikan wujudnya sistem sokongan, latihan dan bimbingan yang diperlukan untuk kedua-dua pihak yang terlibat.

Kata kunci: Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), *systematic literature review* (SLR) penyeliaan pendidikan, cabaran dan isu

Abstract: This study explores the issues and challenges in the supervision process for Technical and Vocational Education and Training (TVET) programs in Malaysia. It is based on a comprehensive literature review aimed at collecting and synthesizing research findings from various sources related to the supervision of technical and vocational education (TVET) teachers. A Systematic Literature Review (SLR) was conducted to identify scholarly articles, research papers, reports, and reputable publications concerning TVET teacher supervision. The systematic literature review (SLR) was conducted using a collection of articles from 2019 to 2024, sourced from two databases: Google Scholar and ResearchGate. The gathered articles were carefully examined to ensure they aligned with the study's focus. A total of six articles were selected for discussion, and data were extracted based on four themes related to challenges in supervision. The findings reveal that effective communication between supervisors and teachers is a primary need identified in the implementation of educational supervision, given the significant influence of experienced mentors in the field of Technical and

Vocational Education. Effective communication between mentors and teachers ensures the existence of support systems, training, and guidance that both parties need.

Keywords: Technical and Vocational Education and Training (TVET), systematic literature review (SLR) supervision, challenges and issues

Cite This Article: Siti Nurshazwanny Majlan & Mohd Azlan Mohammad Hussain. 2025. Penyeliaan Pengajaran dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET): Isu dan Cabaran [Supervision of Teaching in Technical and Vocational Education and Training (TVET): Issues and Challenges]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(2), 50-64.

PENGENALAN

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan. TVET menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat yang meliputi peringkat sekolah menengah, lepasan sekolah sehingga ke tenaga kerja di industri melalui latihan berasaskan pekerjaan serta latihan berterusan dan pembangunan profesional (KPM, 2024). TVET adalah penting untuk membangunkan bakat tersedia pada masa hadapan untuk memastikan negara mempunyai bakat berkualiti untuk mencapai matlamat besar negara. Oleh itu, kerajaan sentiasa menekankan TVET kerana permintaan dan keperluan industri untuk modal insan yang berkebolehan seiring dengan peredaran teknologi yang pantas di negara dan di seluruh dunia. TVET memainkan peranan penting dalam mewujudkan tenaga mahir tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing (Mohammad Hussain, Mohd Zulkifli, Threeton, Khamis & Omar, 2021).

Sehingga tahun 2024, terdapat 12 Kementerian yang menawarkan program TVET di Malaysia, melibatkan 1,345 institusi. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) adalah bahagian yang dipertanggungjawabkan sebagai peneraju bagi semua program TVET yang ditawarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penawaran program TVET KPM meliputi program-program di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Di bawah pelaksanaan program TVET KPM ini, penyeliaan pengajaran merupakan satu aktiviti bimbingan yang dirancang untuk membantu guru dan kakitangan sekolah lain dalam menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu aktiviti meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti penyeliaan pengajaran dan perancangan kurikulum, dilaksanakan bertujuan untuk memberi impak yang lebih tinggi kepada pelajar pencapaian (PPPM, 2013-2025, p.5-17). Penyeliaan pengajaran ini juga merupakan bantuan daripada pentadbiran sekolah yang bertujuan untuk pembinaan kepimpinan guru dan warga sekolah lain dalam mencapai matlamat pendidikan (Asyari, 2020). Selaian daripada itu, penyeliaan pengajaran penting dalam pengurusan kurikulum kerana ia membantu memastikan pengajaran berjalan dengan baik di sekolah serta memastikan progress kecemerlangan kerja guru dipantau dan disokong secara berterusan.


Penyeliaan pengajaran juga akan membantu guru menyelaraskan aktiviti pengajaran, merangsang mereka untuk meningkatkan prestasi kerja, dan membantu untuk pengembangan potensi individu, dalam masa yang sama mengatasi kekurangan guru.

Untuk membimbing lebih lanjut berkaitan penyeliaan pengajaran dalam bidang TVET, kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review* (SLR) terhadap literatur yang berkaitan. SLR adalah kaedah penyelidikan sistematik yang membolehkan penyelidik untuk menghimpun, menilai, dan mensintesis kajian-kajian lepas untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu yang dikaji. Dengan menggunakan SLR, kajian ini berusaha untuk mengenalpasti isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran dalam bidang TVET, mengeksplorasi kesan sosial dan akademik yang berkaitan, serta menilai keberkesanan langkah-langkah atau inisiatif yang telah dilaksanakan untuk cabaran tersebut.

METODOLOGI

Metodologi untuk artikel ini adalah berdasarkan tinjauan literatur yang komprehensif, bertujuan untuk mengumpul dan mensintesis dapatan penyelidikan yang berkaitan daripada pelbagai sumber. Untuk meneroka persepsi guru pelajar TVET mengenai amalan penyeliaan dan cabaran mereka semasa amalan pengajaran mereka, tinjauan literatur yang komprehensif telah dijalankan untuk menyusun artikel ilmiah, kertas penyelidikan, laporan, dan penerbitan bereputasi sedia ada. Kajian literatur ini bertujuan untuk memberikan pemahaman asas tentang bidang penyelidikan dan pandangan yang diperoleh daripada kajian lepas. Untuk mencapai matlamat ini, pendekatan analisis induktif telah digunakan. Data akan dikumpul daripada pandangan dan persepsi daripada literatur yang terpilih untuk mengenai amalan dan cabaran dalam penyeliaan pengajaran dalam bidang TVET.

Kaedah ini mengaplikasikan carian litaratur secara sistematik dengan menggunakan kata kunci sepertimana prinsip tinjauan literatur sistematik (SLR) yang diterapkan oleh penyelidik moden. (Susan Michie & S Williams, 2003; Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin, Marlon Pontino Guleng, Razaleigh Muhamad@Kuwangit, 2020). Kajian ini menggunakan kata kunci *penyelia, isu dan cabaran dalam penyeliaan, pengajaran, TVET* bagi mendapatkan data kajian. Carian artikel adalah menggunakan pangkalan data *google scholar* dan *researchgate*. Tapisan pertama telah memperolehi 296 buah artikel yang berkaitan dengan dengan kata kunci yang telah ditetapkan. Setelah menilai perkaitan tajuk artikel dan abstrak, terdapat 50 artikel yang diterima. Walau bagaimanapun, penilaian dan perincian lanjut telah dijalankan terhadap 50 artikel tersebut dan penyelidik telah memilih hanya enam artikel yang dipilih secara spesifik untuk diekstrak dan dianalisis bagi tujuan penyelidikan ini.



Rajah 1: Kaedah carian literatur secara sistematik (Michie&Williams,2023)

DAPATAN KAJIAN

Pendidikan dan latihan teknikal adalah penting dalam melengkapkan individu dengan kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk berjaya dalam pelbagai industri. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran dan jangkaan telah dikenal pasti dalam perancangan dan penyeliaan program TVET. Melalui kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan enam kajian terdahulu dalam lingkungan lima tahun terkini (2020-2024) yang berkaitan dengan isu dan cabaran dalam penyeliaan pengajaran bagi bidang TVET. Melalui analisis ini terdapat beberapa perkara yang dibincangkan dan dirumuskan secara bersistematik seperti Jadual 1:

Jadual 1: Sorotan Literatur secara sistematik Cabaran dan Isu Penyeliaan dalam Pendidikan TVET

BIL	KAJIAN	METODOLOGI	DAPATAN KAJIAN
1.	Dr. Mohamad Zarkhuan Zainol (2023)	Kajian Kuantitatif	i. Isu berkaitan bimbingan pensyarah penyelia kepada guru pelatih ketika penyeliaan dan refleksi yang diberikan kepada mereka. ii. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara bimbingan pensyarah penyelia dalam aspek pelaksanaan pengajaran dengan amalan refleksi guru pelatih adalah tinggi. iii. Dapatan ini menunjukkan bahawa bimbingan pensyarah
	Hubungan Bimbingan Pensyarah Penyelia Praktikum Dengan Refleksi Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Program Pdpp Ipgm Zon Selatan		

			penyelia terhadap amalan refleksi guru pelatih Pendidikan Islam PDPP sememangnya memberikan impak yang positif terhadap pelaksanaan praktikum guru pelatih di sekolah. iv. Pensyarah penyelia juga perlu memberi perhatian kepada faktor penghasilan perancangan pengajaran walaupun dapatannya tidak signifikan kerana faktor tersebut merupakan asas yang menentukan kejayaan praktikum guru pelatih.
2.	Chuah Siew Mei, Al Amin Mydin (2022) Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru	Kajian Kuantitatif	i. Dapatan ini membuktikan bahawa amalan penyeliaan amat penting dalam penambahbaikan kelemahan guru dalam PdPc. Amalan penyeliaan yang bermutu dan berkesan akan mempengaruhi guru-guru untuk lebih cemerlang dalam PdPc. ii. Isu dari aspek tahap pengajaran kreatif guru pula, dapatan dalam kajian ini menunjukkan keseluruhan variabel pengajaran kreatif guru berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengajaran kreatif guru sekolah rendah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang berada pada tahap yang tinggi. iii. Dari aspek pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan amalan penyeliaan yang berkesan amat penting dalam membantu dan memartabatkan profesionalisme guru.

3.	Nur Khairunnisa Mohd NoorAl-Amin Mydin (2024)	Kajian Kualitatif dan Kajian Kuantitatif	i. Isu hubungan penyeliaan bertindak sebagai alat kawalan dalam pendidikan memainkan peranan penting dalam pemantauan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi akademik. ii. Kajian menunjukkan bahawa guru besar di sekolah kebangsaan mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam menyelia aktiviti pengajaran dan pembelajaran iii. Hasil dapatan juga menjelaskan bahawa tahap kompetensi profesionalisme guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sangat tinggi. Hasil dapatan sedemikian menekankan kepentingan berterusan dalam sumber pendidikan dan peluang pembangunan profesional untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti pengajaran.
4.	Hasan Melki, Mohamed Sami Bouzid (2020)	Kajian Kuantitatif	i. Bimbingan dan kepimpinan yang berkesan serta kerjasama penyelia universiti dengan guru meningkatkan pengalaman latihan. ii. Pensyarah Penyelia memainkan peranan penting dalam menyokong guru pembimbing iii. Menyediakan latihan dan pembangunan profesional untuk guru yang bekerjasama untuk meningkatkan kemahiran bimbingan dan kepimpinan mereka. iv. komunikasi dan maklum balas

	practical traineeship in the field of physical education			antara penyelia dan guru yang bekerjasama adalah perlu kerap dan dipermudahkan
5.	Erlina Istiningsih, Suyatno, Widodo (2020)	Kajian Kualitatif	i.	Isu berkaitan penyelia kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi dalam mencari maklumat dan sumber serta pelaksanaannya.
	Penyeliaan Akademik untuk Meningkatkan Kesediaan Guru dalam Memanfaatkan Maklumat dan Komunikasi Teknologi di Sekolah Menengah Vokasional		ii.	Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan penyeliaan akademik untuk menambah baik kesediaan guru dalam menggunakan maklumat dan teknologi komunikasi. Pelaksanaannya merangkumi beberapa aspek, seperti perancangan, pelaksanaan, dan penilaian penyeliaan akademik.
6.	Yeap, C. F., Suhaimi, N., & Nasir, M. K. M. (2021)	Kajian Kuantitatif	i.	Isu tentang tenaga pengajar yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan e-pembelajaran dan mengintegrasikan ICT dalam pedagogi pengajaran.
	Isu, Cabaran dan Cadangan untuk Memperkasakan Pendidikan Vokasional Teknikal dan Pendidikan Latihan semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia		ii.	Segelintir pengajar tidak biasa dengan penggunaan kemudahan e-pembelajaran dan mereka memerlukan latihan berkaitan penggunaan e-pembelajaran.
			iii.	Pengajar juga perlu menyesuaikan diri dalam pendekatan pedagogi, strategi dan kaedah p&p, pengurusan bilik darjah, dan penilaian sebagai keperluan dalam norma baharu proses P&P.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan enam artikel yang dipilih, kajian telah mengenal pasti empat tema iaitu: i) bimbingan penyeliaan, ii) kekurangan sumber dan rujukan iii) penyelia kurang kemahiran dan


iv) kerjasama penyelia dan yang diselia. Jadual 2 dan rajah 2 di bawah menunjukkan pengelasan artikel mengikut empat tema tersebut:

Bil	Artikel	Bimbingan penyeliaan	Kekurangan sumber dan rujukan	Penyelia kurang kemahiran	Kerjasama penyelia dan yang diselia
1.	Hubungan Bimbingan Pensyarah Penyelia Praktikum Dengan Amalan Refleksi Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Program Pdpp IPGM Zon Selatan	X			X
2.	Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru	X	X	X	
3.	Hubungan Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Besar Terhadap Kompetensi Profesionalisme Guru Di Sekolah Kebangsaan, Pulau Pinang	X			X
4.	Harapan penyelia universiti untuk bekerjasama dengan guru semasa latihan praktikal TVET dalam bidang pendidikan jasmani	X			X
5.	Penyeliaan		X		

Akademik untuk Meningkatkan Kesediaan Guru dalam Memanfaatkan Maklumat dan Komunikasi Teknologi di Sekolah Menengah Vokasional				
6.	Isu, Cabaran dan Cadangan untuk Memperkasakan Pendidikan Vokasional Teknikal dan Pendidikan Latihan semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia	X	X	
JUMLAH		4	3	2
				3

Jadual 2: Tema perbincangan artikel

Rajah 2: Graf jumlah artikel mengikut tema



Kesemua artikel-artikel telah diklasifikasikan mengikut tema yang bersesuaian dan kajian juga telah mendapati terdapat beberapa artikel yang menepati dua atau lebih daripada satu tema. Secara keseluruhannya, terdapat empat artikel yang menepati dua atau lebih daripada tema yang diklasifikasikan. Berdasarkan jadual 2 dan rajah 2, kekerapan bagi tema isu atau cabaran dalam penyeliaan bagi pendidikan TVET adalah tinggi sebanyak empat artikel. Manakala tema yang kekurangan sumber dan rujukan kerjasama penyelia dan yang diselia adalah sama sebanyak tiga artikel. Tema penyelia kurang berkemahiran pula mendapat keputusan sebanyak dua artikel.

Tema 1: Bimbingan penyeliaan

Dalam konteks penyeliaan pendidikan semasa proses latihan mengajar atau praktikum, Bimbingan pensyarah penyelia lebih memberikan kesan kepada pembentukan guru pelatih, khususnya dalam aspek perancangan, pelaksanaan pengajaran, sahsiah guru dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum (Hasriani, 2007; IPGM, 2021). Bimbingan oleh penyelia amat penting bagi membentuk pengalaman pengajaran guru praktikum dalam bilik darjah melalui bimbingan, teguran serta ulasan daripada guru bimbingan atau penyelia. Perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, aktiviti kokurikulum dan amalan refleksi praktikum yang diselia oleh penyelia dapat memberikan impak serta panduan kepada guru praktikum untuk membina pengalaman dalam kerjaya sebagai pendidikan. Ini merangkumi proses menghasilkan perancangan pengajaran yang mengandungi elemen hasil pembelajaran, isi pembelajaran, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Setelah perancangan pengajaran dihasilkan, bimbingan dan pencerapan diteruskan pula pada pelaksanaan pengajaran guru pelatih yang melibatkan sesi permulaan, perkembangan dan penutup PdP.

Salah satu elemen penting dalam bimbingan penyeliaan praktikum adalah penghasilan refleksi guru pelatih. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Hatton dan Smith (1995) ke atas guru pelatih mendapati majoriti guru pelatih mempamerkan kemahiran penghasilan refleksi pengajaran pada tahap yang paling rendah sahaja iaitu penulisan refleksi yang hanya bersifat deskriptif. Refleksi pengajaran oleh guru pelatih ini penting kepada penyelia semasa proses penyeliaan untuk membolehkan penyelia mengetahui prestasi dan pandangan guru pelatih terhadap pengajaran mereka sendiri kemudiannya akan digunakan untuk memberikan maklum balas kepada keseluruhan proses pengajaran guru pelatih tersebut. Selain daripada itu, pemberian input secara lisan kepada guru dapat menggalakkan guru tersebut untuk lebih yakin dan bersikap terbuka dalam mengubah proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Tema 2: Kekurangan sumber dan rujukan

Kekurangan tenaga pengajar yang berkeelayakan dan berkekemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional menyebabkan ketidakcekapan dalam kaedah pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Selain daripada itu, boleh menyebabkan pendidik tersebut kurang berminat dengan mata pelajaran yang diberikan (Hanapi et al., 2015). Terdapat juga isu dimana, pensyarah vokasional sukar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka atas kekangan

bajet, sistem giliran dan beban kerja yang berat (Ismail et al., 2018). Kekurangan sumber dan rujukan juga boleh menjadi salah satu faktor yang menyebabkan kualiti pengajaran seorang guru merosot. Amalan pengajaran kreatif pada abad ke-21 kini sering dikaitkan dengan kebolehan kreatif guru yang bukan setakat merancang pengajaran tetapi juga meliputi kreativiti dalam proses PdPc dalam bilik darjah. Justeru, bidang pendidikan juga memerlukan pendekatan terbaik untuk menghadapi revolusi alaf baru ini supaya generasi akan datang dapat kekal berdaya saing dan tidak terpinggir dalam era globalisasi

Tema 3:Penyelia kurang kemahiran

Penyelia kurang ilmu dalam pencerapan juga boleh menyebabkan proses penyeliaan itu tidak berkesan dalam menyampaikan ilmu kepada guru-guru yang diselia. Ini mengurangkan keberkesanan sesi penyeliaan guru kerana kekurangan maklum balas yang berimpak diberikan selepas pencerapan. Komen-komen yang diberikan pula tidak disertakan dengan justifikasi dan ulasan yang mendalam untuk. Maka guru yang diselia akan tidak mengambil input tersebut secara kritikal dan menganggap proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan lancar. Berdasarkan Laporan Tahunan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM 2018, masih terdapat pemimpin yang kurang mahir dalam kandungan SKPMg2 (Standard 4) dan kaedah menjalankan pencerapan. Menurut Glickman et al. (2018), seorang penyelia mesti mempunyai pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal yang baik untuk menjalankan proses penyeliaan. Kecekapan penyelia menjalankan penyeliaan membolehkan mereka membantu guru-guru yang diselia untuk menambahbaik proses PdPc yang dijalankan.

Tema 4: Kerjasama penyelia dan guru yang diselia

Pengajar juga perlu menyesuaikan diri dalam pendekatan pedagogi, strategi dan kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah, dan penilaian pembelajaran sebagai tindak balas kepada norma baharu dalam proses P&P. Kerjasama antara penyelia dengan guru yang diselia merupakan aspek penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Penyelia berperanan memberikan bimbingan, maklum balas, dan sokongan kepada guru yang diselia untuk memastikan keberkesanan amalan pengajaran. Sementara itu, guru yang diselia pula perlu terbuka untuk menerima cadangan, berbincang, dan melibatkan diri secara aktif dalam proses penambahbaikan (Glickman, Gordon, & Ross-Gordon, 2018).

Penyeliaan yang efektif membantu meningkatkan profesionalisme guru dengan fokus pada amalan pengajaran yang berkualiti. Hal ini memerlukan penyelia dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, kemampuan interpersonal yang baik. Penyelia juga harus berperanan memberikan bimbingan secara konstruktif, yang dapat membina kepercayaan dan hubungan kerja yang positif dengan guru (Zepeda, 2006; Glickman et al., 2017; Che Khairuleffendi et al., 2019).

CADANGAN

Dalam setiap kajian, terdapat batasan yang mungkin mempengaruhi hasil dan generalisasi penemuan. Berikut adalah cadangan kepada amalan sedia ada serta kepada sistem yang boleh diterapkan dalam proses penyeliaan pada masa akan datang.

Bimbingan yang diberikan oleh penyelia sering kali terhad akibat beban tugas yang tinggi atau kekurangan masa. Hal ini menyebabkan kurangnya peluang bagi penyelia untuk memberikan maklum balas yang mendalam atau menjalankan sesi pengamatan secara berterusan. Tanpa bimbingan yang mencukupi, guru mungkin sukar meningkatkan kualiti pengajaran mereka, terutama dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional yang memerlukan kemahiran spesifik. Cadangan agar pendekatan alternatif dilaksanakan dalam sesi penyeliaan, seperti bimbingan berasaskan teknologi. Selain itu, penyediaan sumber yang tidak mencukupi, seperti bahan pengajaran, peralatan teknikal, dan teknologi sokongan, menjadi halangan utama dalam peningkatan kualiti pengajaran guru. Masalah ini lebih ketara di kawasan luar bandar di mana akses kepada teknologi moden sering kali terhad. Oleh itu usaha boleh dilaksanakan untuk memfokuskan pada penggunaan sumber terbatas secara optimum atau pembangunan model penyeliaan yang berkesan dalam dalam kapasiti sokongan sumber dan teknologi yang terhad.

Kemahiran penyelia dalam pengajaran pembelajaran teknikal dan vokasional adalah penting. Namun, tidak semua penyelia memiliki pengetahuan mendalam terutamanya berkaitan elemen kemahiran teknikal. Kekurangan ini boleh menghalang penyelia daripada memberikan bimbingan yang relevan dan berkesan. Penyelia seharusnya terlebih dahulu diberikan latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan interpersonal mereka. Selain daripada itu, kurangnya hubungan kerja yang efektif antara penyelia dan guru yang diselia juga dikenal pasti sebagai cabaran yang mengekang keberkesanan sesi penyeliaan pendidikan. Perbezaan perspektif atau komunikasi yang tidak jelas boleh menjejaskan proses penyeliaan. Oleh itu, strategi perlu dilaksanakan untuk memupuk kerjasama yang lebih baik, seperti pendekatan penyeliaan kolaboratif atau pengintegrasian prinsip komunikasi terbuka.

Disamping itu, beberapa cadangan lain boleh diketengahkan bagi memperbaiki amalan penyeliaan dalam pendidikan teknikal dan vokasional seperti penggunaan teknologi dalam. Contohnya, platform digital seperti aplikasi pemantauan dan pembelajaran jarak jauh dapat mempermudah komunikasi antara penyelia dan guru, meningkatkan kekerapan serta keberkesanan bimbingan. Kajian boleh memberi fokus pada penghasilan modul bimbingan maya yang mesra pengguna untuk digunakan secara meluas, terutama di kawasan yang mempunyai akses terhad kepada penyeliaan secara fizikal.

Seterusnya, model penyeliaan khusus perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan unik pendidikan teknikal dan vokasional. Model ini harus mengambil kira aspek seperti perbezaan tahap kemahiran guru, keperluan latihan teknikal tertentu, dan penggunaan sumber yang terhad. Model ini boleh meneroka pendekatan inovatif yang lebih fleksibel untuk memenuhi kepelbagaian konteks institusi pendidikan. Program pembangunan profesional untuk penyelia perlu diberi penekanan. Latihan khusus yang berfokus pada peningkatan kemahiran teknikal dan interpersonal dapat membantu penyelia menjadi lebih efektif dalam

menjalankan peranan mereka. Kajian juga boleh mengkaji keberkesanan program ini dalam meningkatkan kualiti penyeliaan.

KESIMPULAN

Penyeliaan dalam TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti pengajaran, pembelajaran, dan latihan memenuhi keperluan industri serta standard yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, proses penyeliaan menghadapi pelbagai isu dan cabaran seperti kekurangan tenaga penyelia yang berkemahiran, ketidaksesuaian antara kurikulum dan keperluan industri, serta kekangan sumber dan infrastruktur. Untuk mengatasi cabaran ini, kerjasama antara institusi pendidikan, industri, dan kerajaan diperlukan bagi membangunkan pendekatan penyeliaan yang efektif dan relevan, sekaligus memastikan kebolehpasaran graduan dalam dunia pekerjaan. Bagi menangani cabaran ini, kajian masa depan perlu memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi, pembangunan model penyeliaan khusus, peningkatan latihan profesional bagi penyelia, dan penerapan pendekatan kolaboratif dalam penyeliaan. Strategi-strategi ini bukan sahaja dapat memperbaiki keberkesanan penyeliaan, tetapi juga meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

RUJUKAN

- Ahmad, A. M. (2018). Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- Bjorndal, C., Mathisen, P., Wennergren, A. C., & Thornberg, F. (2024). Challenges of the supervision process in the teacher education practicum—A qualitative research review. *Teaching and Teacher Education*, 146, 104619.
- Chon, W. B., Cima, G. A., Dawson, A., Dewhatley, M., Folds, E., Gillett, J., & Thomas, L. (2025). Special Section on the Pedagogy of the Now. *Theatre Topics*, 35(1), 63-79.
- Gordon, S. P. (2018). Supervision's New Challenge: Facilitating a Multidimensional Curriculum. *Journal of Educational Supervision*, 1(2), 17-32.
- Hasriani Adjeng. (2007). Faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih matematik semasa latihan mengajar. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hatton, N. & Smith, D. (1995). *Reflection in teacher education: Towards definition and implementation. Teacher and Teacher Education*. 11(1), 33-49.
- Hung, T. P., & Nordin, N. M. (2023). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Hubungannya dengan Tahap Komitmen Guru di Daerah Barat Daya. [*The Practice of Instructional Leadership by School Principals and Its Relationship with Teacher Commitment Levels in the Southwest Region*]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002237. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2237>.

- Istiningsih, E., Suyatno, S., & Widodo, W. (2020). *Academic Supervision to Improve Teachers' Readiness in Utilizing Information and Communication Technology in Vocational High Schools*. *Universal Journal of Educational Research*, 8(10), 4365–4373. Retrieved from <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081002>.
- Kamarulzaman, W., & Hashim, R. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Unity Among Students. *SS RN Electronic Journal*. Retrieved from <https://doi.org/10.2139/ssrn.2302609>.
- Kenayathulla, H. B. (2021). *Are Malaysian TVET graduates ready for the future?*. *High Education Quarterly*, 75(3), 453-467.
- Mei, C. S., & Mydin, A. A. (2022). Pengaruh Amalan Penyeliaan Terhadap Pengajaran Kreatif Guru.[*The Influence of Supervision Practices on Teachers' Creative Teaching*]. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(2), 31-40.
- Melki, H., Bouzid, M. S., & Mrayeh, M. (2020). *University supervisors' expectations for cooperating teachers during a TVET practical traineeship in the field of physical education*. *Journal of Technical Education and Training*, 12(2), 77-86.
- Michie, S., & Williams, S. (2003). *Reducing work related psychological ill health and sickness absence: A systematic literature review*. *Occupational and Environmental Medicine*, 60(1), 3–9. <https://doi.org/10.1136/oem.60.1.3>.
- Mohammad Hussain, M. A., Mohd Zulkifli, R., , Kamis, A., Threeton, M. D., & Omar, K. (2021). *Industrial engagement in the technical and vocational training (TVET) system*. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 20(12), 19-34.
- Noor, N. K. M., & Mydin, A. A. (2024). Hubungan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran guru besar terhadap kompetensi profesionalisme guru di sekolah kebangsaan, Pulau Pinang. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(3), 13-30.
- Rahman, K. A. A., Salleh, S., Wazir, R., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2021). Kajian Systematic Literature Review (SLR) Tentang Kesihatan Mental Di Malaysia Semasa Pandemik Covid-19: Systematic Literature Review (SLR) On Mental Health in Malaysia During the Covid-19 Pandemic. *Sains Insani*, 6(3).
- Tee, T. K., Yee, C. S., Wulansari, R. E., Singh, C. K. S., Azid, N. W., & Hanapi, Z. (2023). Cabaran dan Keperluan Pengajaran Guru dalam Mata Pelajaran Grafik Komunikasi Teknikal di Sekolah Menengah Kebangsaan.[*Challenges and Teaching Needs for Technical Communication Graphics Teachers at National Secondary Schools*]. *Online Journal for TVET Practitioners*, 8(2), 44-59.
- Thangaiah, E. A., Jenal, R., & Yahaya, J. (2020). Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET-Satu Kajian Awal. [*Exploration of E Learning Usage Among TVET Students and Instructors - A Preliminary Study*]. *Journal of Southeast Asia Social Science & Humanities Akademika*. 3, 5-18.
- Yeap, C. F., Suhaimi, N., & Nasir, M. K. M. (2021). *Issues, challenges, and suggestions for empowering technical vocational education and training education during the COVID-19 Pandemic in Malaysia*. *Creative Education*, 12(8), 1818-1839.

- Zainol, M. Z., Jaafar, M. A., Omar, P., Jalil, N., & Rahman, A. N. A. (2023). Hubungan Bimbingan Pensyarah Penyelia Praktikum Dengan Amalan Refleksi Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Program Pdpp Ipgm Zon Selatan.[*The Relationship Between the Guidance of Practicum Supervisors and Practicum Reflection Practices Among Trainee Islamic Education Teachers in the PDPP IPGM Southern Zone Program*]. *International Journal Of Educational Research On Andragogy And Pedagogy*, 1(1), 40-48.
- Zepeda, S. J., Yıldırım, S., & Çevik, S. (2021). *The Changing Nature of School Supervision. In The Palgrave Handbook of Educational Leadership and Management Discourse* (pp. 1-16). Cham: Springer International Publishing.